

01 MAY 1996

Mahathir-Jawatan

PENGGILIRAN JAWATAN KM SABAH MUNGKIN LEBIH AWAL, KATA PM

LABUAN, 1 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata cadangan penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah boleh dilaksanakan sebelum pindaan undang-undang negeri itu dibentangkan pada Dewan Undangan Negeri.

Katanya cadangan itu boleh dilaksanakan tanpa menunggu pindaan terhadap lima undang-undang negeri bagi mengurangkan kuasa Ketua Menteri Sabah yang dijadualkan dibahas pada persidangan Dewan Undangan Negeri 17-18 Jun.

"Saya belum tahu (sama ada pelaksanaan cadangan itu dibuat) pada bulan Mei atau bulan apa tapi ia akan dilaksanakan," katanya kepada pemberita sebelum melakukan lawatan ke Taman Kewangan di sini.

Ketika menjawab soalan sama ada cadangan itu akan dilaksanakan sebelum Dewan Undangan Negeri meluluskan pindaan terhadap undang-undang negeri itu, beliau berkata: "Tak payah tunggulah."

Bagaimanapun, katanya tarikhnya belum ditentukan lagi.

Perdana Menteri pada Mac lepas melanjutkan tempoh jawatan Ketua Menteri sekarang Datuk Salleh Said Keruak, yang sepatutnya telah berakhir pada 17 Mac mengikut cadangan penggiliran jawatan itu, hingga satu tempoh yang tidak ditetapkan.

Mengikut cadangan penggiliran jawatan Ketua Menteri yang dijanjikan sebelum pilihan raya negeri pada Februari 1994, jawatan itu akan digilir-gilirkan setiap dua tahun antara tiga kaum utama di Sabah -- Bumiputera Islam, Bumiputera bukan Islam dan Cina.

Dalam lawatannya ke Sabah hujung tahun lepas, Perdana Menteri mengumumkan pemimpin daripada Parti Maju Sabah (SAPP) akan dilantik menjadi Ketua Menteri yang baru apabila cadangan penggiliran jawatan itu dilaksanakan.

Ketika ditanya mengenai penangguhan persidangan Dewan Undangan Negeri bagi membahaskan pindaan undang-undang berkenaan yang sepatutnya diadakan pada 25-26 April lepas kepada 17-18 Jun ini, Perdana Menteri berkata perkara itu sedang dibincangkan.

Ditanya sama ada beliau mempunyai apa-apa saranan berhubung penangguhan itu, Dr Mahathir berkata: "Kita belum buat apa-apa nasihat."

Salleh ketika mengumumkan penangguhan persidangan berkenaan berkata ia perlu bagi memberikan lebih masa kepada wakil-wakil rakyat BN meneliti kandungan pindaan berkenaan dan menjelaskan kepada rakyat rasional di sebalik pindaan itu.

Lima undang-undang yang terbabit dalam pindaan itu ialah Enakmen Perhutanan 1968, Ordinan Tanah (Bab 68), Ordinan Perlombongan 1960, Enakmen Yayasan Sabah 1966 dan Enakmen Perwakilan Kuasa 1963 yang akan memindahkan kuasa Ketua Menteri kepada kabinet negeri.

Dr Mahathir juga berkata beliau belum lagi menemui Salleh yang sebelum ini dilaporkan akan bertemu dengan beliau bagi menjelaskan penangguhan persidangan Dewan Undangan Negeri itu. -- BERNAMA

JS NMO